

18/09/1998

PM bangga prestasi penganjur

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengucapkan tahniah kepada semua atlit, sukarelawan dan pegawai yang terbabit dengan Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI kerana kejayaan cemerlang temasya paling berprestij pernah dianjurkan Malaysia.

Menurutnya, kejayaan setakat ini adalah bukti kepada slogan 'Malaysia Boleh' yang dilaungkan oleh seluruh rakyat Malaysia selama ini.

"Saya berasa bangga kerana Malaysia dapat pingat emas dalam acara angkat berat, acara yang mana semua orang menganggap kita tidak layak untuk menang kerana ia hanya untuk orang besar dan kuat dari negara lain.

"Tetapi kita sudah membuktikan bahawa 'Malaysia Boleh' walaupun dalam acara yang mana atlit kita tidakpun mempunyai kehebatan fizikal seperti orang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan perlumbaan acara 100m lelaki dan wanita yang turut membabitkan atlit negara, G Shanti, di Stadium Nasional, Bukit Jalil, petang semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri bersama Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, bersama kira-kira 12,000 penonton memberi sokongan padu kepada skuad hoki lelaki negara yang menumpaskan Kanada 2-1 untuk layak ke separuh akhir.

"Saya tengok pasukan hoki Malaysia bermain cukup baik. Saya rasa cukup bangga dengan permainan mereka lawan dengan Kanada.

"Mereka bermain begitu baik, menghadapi cabaran sengit, terutama selepas Kanada mendapat penalti, tetapi Malaysia benar-benar mengagumkan. Mereka begitu bersungguh-sungguh dan menjaringkan gol kedua," katanya sambil menambah beliau sehingga mengah bersorak untuk skuad negara.

Perdana Menteri yang berada di Stadium Nasional dua hari berturut-turut semata-mata untuk melihat aksi atlit pecut negara, Watson Nyambek dan Shanti, bertanding di samping jaguh dunia seperti Ato Boldon dan Frankie Fredericks, bagaimanapun tidak dapat lari daripada berasa sedikit kecewa.

Justeru, katanya, sudah tiba masanya negara mencari pengganti untuk atlit sedia ada, terutama bagi sukan olahraga.

"Saya juga tengok acara trek. Walaupun kita tidak menang tapi orang kita dapat juga ambil bahagian.

"Saya harap Shanti dapat sekurang-kurangnya tempat ketiga tetapi dia mungkin sudah agak berusia. Kita perlu mendapatkan pengganti untuk dia daripada generasi yang muda," katanya.

Bagaimanapun, secara keseluruhannya, Dr Mahathir kagum dengan beberapa pencapaian di luar dugaan oleh atlit negara, antaranya skuad badminton wanita negara yang memenangi pingat perak.

"Saya begitu gembira dengan keputusan yang kita capai dan saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua atlit, sukarelawan dan pegawai yang bekerja keras untuk menjayakan temasya ini," katanya.

(END)